

Dr. M serah anggota parti buat keputusan

7 APR 1987

KUALA LUMPUR 26 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan kepada anggota parti itu untuk membuat keputusan sama ada mereka mahu mengekalkan atau menarik balik kuasa presiden parti dalam memilih calon-calon UMNO untuk pilihanraya kebangsaan. Beliau bagaimanapun menasihatkan mereka supaya memikirkkan sedalam-dalamnya sebarang ura-ura ke arah itu memandangkan berbagai-bagai implikasi akan timbul. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sekiranya mereka membuat keputusan mahu menarik balik kuasa Presiden UMNO dalam soal ini beliau sanggup mengemukakan hal itu kepada Majlis Tertinggi parti. Katanya, perwakilan berhak memanggil perhimpunan agung khas untuk meminda

perlembagaan parti mengenai perkara yang ada hubungkait dengan hak presiden itu. Beliau mengulangi perbincangan pada perhimpunan agung parti yang berakhir hari ini mengenai soal kuasa presiden dalam pembahagian kerusi pada sesuatu pilihanraya umum yang dibangkitkan oleh UMNO Pahang. Dalam perbincangan pada perhimpunan kali ini UMNO Pahang meminta agar kuasa penentuan calon UMNO bagi pilihanraya umum dipulangkan kembali kepada UMNO bahagian. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dalam soal ini, beliau tidak mahu lari daripada perlembagaan parti. Katanya, semua calon yang dicadangkan kepada beliau di bawah sistem sekarang adalah berdasarkan perakuan dan penentuan oleh Badan Perhubungan UMNO negeri-negeri. Sistem ini bersesuaian dengan strategi parti apabila mengumumkan pilihanraya umum secara tergepar. Disebabkan kesuntukan masa kerana pilihanraya cara itu parti tiada masa untuk meneliti semua calon tetapi bergantung besar kepada nama-nama yang disyorkan oleh para Ketua Perhubungan UMNO negeri. Dalam konteks pilihanraya umum yang lepas, beliau berkata cuma beberapa calon yang beliau kenali dan pada pendapatnya tidak sesuai dicalonkan telah digugurkan. Bagaimanapun bilangan mereka yang digugurkan itu kecil, katanya. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak mengenali sebahagian besar calon-calon yang dicadangkan. Katanya, beliau tidak dapat menilai baik-buruk

seorang itu apatah lagi muka-muka baru. Oleh kerana itu beliau berpandukan perakuan para Ketua Perhubungan UMNO negeri masing-masing. "Mustahil bagi saya kenal semua calon yang diperakukan terutamanya orang baru." Memandangkan masa yang singkat antara tarikh perisytiharan pembubaran Parlimen dan Dewan-Dewan Negeri dengan tarikh pilihanraya umum tergepar, beliau terpaksa menerima perakuan-perakuan itu. UMNO pada peringkat pusat hanya mengesahkan nama-nama calon yang diperakukan oleh badan-badan itu, katanya. Sebarang cadangan mengubah sistem penentuan calon sekarang akan menimbulkan berbagai-bagai implikasi termasuk pemakluman lebih awal tarikh pilihanraya umum seperti UMNO menetapkan tarikh pemilihan parti. Cara ini sekiranya diamalkan, memberi masa yang panjang bukan sahaja untuk berkempen tetapi juga menjadikan persaingan untuk merebut tempat sebagai calon lebih hebat sejak dari peringkat cawangan lagi, katanya. Dalam soal pembahagian calon juga, para anggota UMNO harus memikirkan penentuan calon-calon daripada parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain. Beliau berkata terpujanglah kepada para perwakilan sama ada mahu hak menentu calon dikekalkan kepada presiden parti atau dikembalikan kepada UMNO bahagian. Presiden UMNO itu berkata tiada gunanya UMNO dapat kuasa tetapi tidak dapat kuasa untuk mentadbir negara. — Bernama.